


KERTAS 1

3.1 Latar Belakang Pemerintahan Beraja dan Demokrasi Berparlimen

- 1** Sistem pemerintahan beraja di negara kita menerima cabaran selepas Perang Dunia Kedua.
Mengapakah berlakunya keadaan tersebut?
A Pengenalan Malayan Union
B Pengenalan Sistem Residen di NNMB
C Penempatan Penasihat British di NNMTB
D Pengawasan Gabenor Jepun di Tanah Melayu

3.2 Sejarah dan Kedudukan Institusi Majlis Raja-Raja

- 2** Apakah X dalam Rajah 1?



Rajah 1

- A Durbar
B Majlis Raja-Raja
C Majlis Sultan-Sultan
D Penyimpan Mohor Besar Raja-Raja

- 3** Majlis Raja-Raja ditubuhkan secara rasmi pada tahun 1948 apabila Persekutuan Tanah Melayu dibentuk.

Apakah peranan Majlis Raja-Raja semasa Persekutuan Tanah Melayu 1948?

- A Menasihati Gabenor
B Membincangkan undang-undang berkaitan agama Islam
C Membincangkan hal ehwal pentadbiran Kerajaan Persekutuan
D Mendapatkan penerangan daripada Pesuruhjaya Tinggi British tentang penggubalan undang-undang

- 4** Antara berikut, yang manakah adalah fungsi Majlis Raja-Raja dalam Perlembagaan Persekutuan?

- I Melantik Perdana Menteri
II Meluluskan undang-undang
III Memilih Yang di-Pertuan Agong
IV Menjadi Lembaga Pengampunan bagi kes-kes tertentu
A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

3.3 Yang di-Pertuan Agong dan Raja dalam Perlembagaan Persekutuan

- 5 Apakah yang termaktub dalam perlembagaan berikut?

Buku
Teks
m/s
47

Perkara 32 Perlembagaan Persekutuan

- A Yang di-Pertuan Agong sebagai ketua negara
- B Kedudukan bahasa Melayu
- C Peranan Majlis Raja-Raja
- D Kedudukan agama Islam

- 6 Yang di-Pertuan Agong mempunyai kuasa yang luas dalam pemerintahan negara meliputi kuasa eksekutif, perundangan dan kehakiman. Antara berikut, yang manakah kuasa eksekutif baginda?

Buku
Teks
m/s
48

- A Mengisytiharkan darurat
- B Melantik Perdana Menteri
- C Melantik hakim Mahkamah Atasan
- D Mengampunkan, menangguhkan dan meringankan hukuman yang dijatuhkan Mahkamah Tentera

- 7 Rajah 2 menunjukkan bidang kuasa Yang di-Pertuan Agong.

Buku
Teks
m/s
49



Rajah 2

Apakah peranan kuasa X?

- A Melantik Ketua Audit Negara
- B Melantik hakim Mahkamah Atasan
- C Melantik diplomat Malaysia ke luar negara
- D Memberhentikan dan membubarkan Parlimen

3.4 Amalan Demokrasi dan Pengasingan Kuasa

- 8 Demokrasi Berparlimen diterima sebagai sistem pentadbiran negara kita. Antara berikut, yang manakah ciri demokrasi di negara kita?

Buku
Teks
m/s
50

- I Pilihan raya
- II Kebebasan asasi
- III Hak istimewa orang Melayu
- IV Pemusatan kuasa Persekutuan
- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

- 9 Kebebasan asasi atau hak asasi merupakan hak yang dimiliki oleh seseorang individu di sisi undang-undang.

Buku
Teks
m/s
51

Apakah bukti negara kita mengamalkan kebebasan asasi dalam beragama?

- I Diskriminasi terhadap agama lain
- II Menganjurkan aktiviti agama secara tertutup
- III Agama Islam sebagai agama Persekutuan
- IV Setiap penganut bebas mengamalkan agama masing-masing
- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

- 10 Rajah 3 berkaitan dengan pembahagian kuasa dalam sistem pemerintahan negara kita.

Buku
Teks
m/s
52&54



Rajah 3

Antara berikut, yang manakah kuasa badan X?

- I Menggubal undang-undang
- II Melaksanakan pembangunan
- III Menggubal dasar-dasar negara
- IV Mentafsir dan melaksanakan undang-undang
- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

3.5 Keunikan Amalan Demokrasi Berparlimen di Negara Kita

- 11 Keunikan pemerintahan di Malaysia teradun antara unsur tradisional dan moden.

Buku
Teks
m/s
56

Antara berikut, yang manakah unsur tradisional dalam perlembagaan?

- A Sistem Demokrasi Berparlimen
- B Kerajaan Persekutuan
- C Kewarganegaraan
- D Bahasa Melayu

- 12 Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan kuasa budi bicara kepada Yang di-Pertuan Agong dalam soal pelantikan _____

Buku
Teks
m/s
57

- A sultan atau raja
- B Menteri Kabinet
- C Ketua Kerajaan Negeri
- D Ketua Kerajaan Persekutuan